

# Seni Visual (970)

## PRESTASI KESELURUHAN

Sebanyak 6883 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 2011. Peratusan calon yang lulus penuh dalam mata pelajaran ini pada tahun 2011 ialah 88.81%, iaitu menurun sebanyak 0.18% berbanding dengan 88.99% pada tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut.

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	5.40	6.59	10.79	15.94	18.14	18.62	12.67	2.87	1.94	2.0	5.04

## RESPONS CALON

### KERTAS 970/1 (TEORI SENI VISUAL)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah sederhana. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan termasuklah tidak menguasai istilah seni visual, tidak menepati kehendak soalan, mengemukakan fakta yang umum, dan kurang perancangan dalam merangka jawapan.

#### *Komen soalan demi soalan*

##### BAHAGIAN A

###### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kesan pengalaman langsung dan intelektual dalam proses pengkaryaan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Terdapat calon yang menghuraikan definisi dan mengabaikan kesan pengalaman tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya bagi kesan pengalaman langsung termasuklah membina kepekaan dan keterlibatan. Bagi kesan pengalaman intelektual pula termasuklah kefahaman dan penterjemahan.

###### **Soalan 2**

Soalan ini berdasarkan hasil karya lukisan kanak-kanak yang menghendaki calon menghuraikan dua ekspresi kanak-kanak yang digambarkan dan menjelaskan dua aspek sosiologi dalam karya. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki bagi ekspresi kanak-kanak ialah gambaran perasaan riang ria dan ekspresi yang tulus. Bagi aspek sosiologi pula termasuklah persekitaran semula jadi dan hubungan flora atau fauna.

###### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud *kepelbagaiuan dalam prinsip rekaan* dan bagaimana kepelbagaiuan dapat diaplikasi dalam penghasilan karya. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Terdapat calon yang mengemukakan huraian tanpa fakta yang khusus. Antara jawapan

yang sepatutnya bagi maksud kepelbagaian dalam prinsip rekaan termasuklah keragaman dan keunikan. Bagi kepelbagaian dapat diaplikasi dalam penghasilan karya pula termasuklah susunan dan peletakan.

#### **Soalan 4**

Soalan ini berdasarkan poster karya John Kuchera yang berjudul “*It’s Time to Get Organized*” yang menghendaki calon menjelaskan keunikan poster dan menghuraikan pengolahan reka letak dalam poster. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan calon yang menumpukan kepada aspek tipografi. Antara jawapan yang sepatutnya bagi keunikan termasuklah menunjukkan kontras dan simbolik. Bagi pengolahan reka letak pula termasuklah komposisi dan pemudahan.

#### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menerangkan dua perbezaan antara pendekatan ilmiah dengan pendekatan jurnalistik dalam kritikan seni visual. Kebanyakan calon dapat membezakan kedua-dua pendekatan tersebut dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya bagi pendekatan ilmiah termasuklah penulisan berdasarkan bukti dan kajian sumber yang mendalam. Bagi pendekatan jurnalistik pula termasuklah penulisan bersifat deskriptif dan kurang memberi penekanan terhadap kajian sumber.

#### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan tiga pendekatan penjanaan idea bagi menghasilkan karya yang bertemakan “Keluarga Penyayang”. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang tidak dapat membezakan penjanaan idea dengan sumber idea. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah peniruan, penerokaan, dan eksperimentasi.

### **BAHAGIAN B**

#### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan maksud *komunikasi visual* dan menjelaskan bagaimana sebuah poster berperanan sebagai media komunikasi visual. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya bagi maksud komunikasi visual termasuklah penyampaian maklumat oleh pelukis kepada khalayak dengan menggunakan kaedah dan teknik seni visual. Jawapan bagi soalan bagaimana sebuah poster berperanan sebagai media komunikasi visual pula termasuklah pemujukan, propaganda, dan estetik.

#### **Soalan 8**

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa kefahaman terhadap seni visual boleh meningkatkan kesedaran terhadap keindahan persekitaran. Soalan ini menghendaki calon menjelaskan pernyataan tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Calon didapati mereka-reka jawapan dan mengemukakan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah menghargai keindahan alam semula jadi sebagai elemen seni dan melihat objek persekitaran sebagai objek perekaan.

#### **Soalan 9**

Soalan ini berdasarkan hasil karya Syed Ahmad Jamal yang berjudul “Sirih Pinang” yang menghendaki calon membuat satu pertimbangan terhadap kekuatan karya ini. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Calon didapati tidak menguasai istilah pertimbangan dan kurang kefahaman tentang

strategi kritikan seni. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah keharmonian, keseimbangan, dan kesatuan asas seni reka.

### **Soalan 10**

Soalan ini berdasarkan hasil karya Roy Lichtenstein yang berjudul “*Forget It, Forget Me!*” yang menghendaki calon membuat kritikan terhadap karya ini berdasarkan strategi kritikan seni. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang mengemukakan makna strategi kritikan seni tanpa mengaplikasikannya pada hasil karya. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah deskripsi, analisis, interpretasi, dan pertimbangan.

## **BAHAGIAN C**

### **Soalan 11**

Soalan ini berdasarkan hasil karya Chuah Thean Teng yang berjudul “Musim Buah” yang menghendaki calon memberi pandangan sejaoh mana pelukis telah menampilkan unsur tempatan dalam karya tersebut. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah teknik batik, unsur dekoratif, dan teknik ruang cetek.

### **Soalan 12**

Soalan ini berdasarkan pernyataan tugas, iaitu calon dikehendaki menghasilkan satu reka bentuk setem yang bertemakan “Hari Kemerdekaan Malaysia”. Soalan ini menghendaki calon membincangkan bagaimana sumber idea dapat dijanakan dalam proses penghasilan reka bentuk setem tersebut. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang mengemukakan sumber idea tanpa mengaitkan proses penghasilan reka bentuk setem. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah peristiwa, media massa, dan teknologi.

## **KERTAS 970/2 (LUKISAN)**

### **Komen am**

Kertas ini adalah berasaskan seting yang disediakan. Calon akan diuji dalam kemahiran melukis mengikut fokus dan permasalahan yang dikemukakan dalam soalan. Secara keseluruhannya, mutu lukisan calon bagi kertas ini adalah sederhana. Antara kelemahan lukisan calon yang dikesan termasuklah tidak dapat menunjukkan aspek kajian cahaya dan bayang, kurang tepat melukis objek dari perspektif atau kedudukan atas, dan hasil lukisan hanya tertumpu pada garisan luar atau garisan hitam.

### **Komen soalan**

Soalan ini menghendaki calon membuat satu lukisan dengan menggunakan media kering dan teknik yang sesuai berasaskan seting yang diberikan. Calon dikehendaki melukis dari sudut pandangan mengikut kedudukan calon bagi seting yang telah disusun. Calon juga dikehendaki menimbulkan kesan pencahayaan ke atas objek yang berbeza-beza bentuknya. Setingnya adalah di atas lantai dan terletak sebuah cerek keluli (*stainless steel*). Di bahagian belakang cerek tersebut terletak sebuah kuali aluminium dan sebuah periuk aluminium yang kedua-duanya bersaiz sederhana. Di sisi kiri bahagian hadapan cerek itu terletak sebatang senduk dalam kedudukan menyerong. Di sisi kanan cerek itu pula, terletak sebiji gelas kaca.

Soalan ini menguji calon untuk menghasilkan lukisan yang dapat menimbulkan kesan pencahayaan ke atas objek yang berbeza-beza bentuknya pada seting yang disediakan. Ini akan menguji kemahiran calon terhadap

kefahaman dan pengetahuan tentang aspek pencahayaan. Kebanyakan calon menunjukkan kefahaman dalam aspek lukisan, terutamanya penggunaan media yang betul. Calon juga dapat menimbulkan bentuk objek yang berbeza-beza. Calon sepatutnya memberikan penekanan terhadap aspek pencahayaan, gubahan, media dan teknik, serta kemasan.

### **KERTAS 970/3 (PROJEK PENGHASILAN KARYA)**

#### **Komen am**

Kertas ini berbentuk projek atau kerja kursus yang memerlukan bimbingan guru Seni Visual. Guru pembimbing banyak memainkan peranan penting dalam penghasilan karya calon. Projek ini memerlukan calon membuat portfolio dan karya. Secara keseluruhannya, mutu penghasilan karya calon bagi kertas ini adalah sederhana. Calon dapat menghasilkan portfolio dan karya mengikut spesifikasi dalam soalan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, antara kelemahan penghasilan karya calon yang dikesan termasuklah mempunyai identiti dan mutu karya yang hampir sama dari segi teknik, gubahan, dan persempahan. Terdapat kecenderungan semua calon hanya memilih soalan yang sama mengikut pusat. Prestasi calon dalam penghasilan karya juga banyak bergantung kepada bimbingan guru.

#### **Komen soalan demi soalan**

##### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah karya seni visual yang bertemakan “Keharmonian”. Hasil karya hendaklah menggunakan teknik *hard edges* dengan menggabungkan rupa huruf dan rupa geometri. Persembahan karya hendaklah dalam bentuk 2D atau 3D. Bagi yang memilih bentuk 3D, teknik luakkan boleh digunakan. Soalan ini memerlukan calon membuat kajian dan penyelidikan tentang makna keharmonian. Kebanyakan karya calon dapat menterjemahkan maksud keharmonian. Idea dan persempahan yang ditonjolkan berdasarkan tema juga menepati kehendak soalan. Penampilan portfolio juga menarik kerana calon mempunyai kebebasan mentafsir maksud keharmonian.

##### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah karya seni visual yang bertemakan “Kasih Ibu”. Hasil karya hendaklah menggunakan bahan yang sesuai dengan tema. Persembahan karya hendaklah dalam bentuk relif atau 3D. Soalan ini memerlukan calon membuat kajian dan penyelidikan tentang makna kasih ibu. Kebanyakan calon dapat menghasilkan karya dengan baik dan bersesuaian dengan tema. Portfolio yang dihasilkan oleh calon juga adalah baik.

##### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah reka bentuk pembungkusan pada produk kesihatan berasaskan herba tempatan untuk golongan warga emas. Reka bentuk tersebut melibatkan reka bentuk kotak yang kreatif, reka letak grafik pada kotak, dan reka letak grafik pada label botol plastik. Kebanyakan hasil kerja calon tidak menggambarkan calon berkeupayaan menghayati reka bentuk pembungkusan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang mampu menghasilkan reka bentuk pembungkusan yang menarik.

##### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah reka bentuk ketuhar mikrogelombang (*microwave oven*) yang mempunyai dwifungsi, iaitu untuk kegunaan harian dan hiasan. Soalan ini memerlukan calon

meneroka bentuk ketuhar mikrogelombang yang mempunyai fungsi tambahan, iaitu hiasan dan tidak terikat kepada fungsi kegunaan harian semata-mata. Kebanyakan mutu hasil karya calon adalah sederhana. Perbezaan mutu hasil karya disebabkan faktor penguasaan teknik penghasilan dan bimbingan guru Seni Visual.

### **KERTAS 970/4 (TEORI PENGHASILAN KARYA)**

#### ***Komen am***

Kertas ini menguji calon dalam aspek teori penghasilan karya seni visual dalam bentuk pengkaryaan dan perekaan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah sederhana. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan termasuklah kurang menguasai bahasa seni visual yang melibatkan elemen seni dan prinsip rekaan dan kurang kemahiran dalam membuat lakaran serta lukisan.

#### ***Komen soalan demi soalan***

##### **Soalan 1**

Soalan ini berdasarkan satu tugas yang menghendaki calon menjadikan bentuk pisang sebagai bentuk aras satu aksesori diri. Calon juga dikehendaki mengkaji bentuk pisang tersebut dan mengambil langkah yang diperlukan sebagai pengolahan idea berkaitan dengan bentuk aksesori yang akan dihasilkan. Antara langkah yang diperlukan termasuklah menyatakan ciri aras bentuk pisang, membuat lakaran pisang mengikut ciri aras, membuat lakaran peringkat perkembangan idea, menghasilkan lukisan dan huraihan konsep, dan menyatakan ciri serta alasan bagi menyatakan bagaimana aksesori tersebut akan dipersembahkan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan huraihan dengan baik. Lakaran dan lukisan yang dihasilkan juga tidak menepati kehendak soalan. Antara jawapan yang sepatutnya bagi ciri aras bentuk pisang termasuklah lengkung, kulit halus, dan licin. Seterusnya calon sepatutnya menghasilkan lakaran pisang mengikut ciri aras yang ditentukan. Di samping itu, calon sepatutnya membuat lakaran perkembangan idea bagi bentuk baharu pisang mengikut gaya yang dipilih sama ada stailisasi atau abstraksi. Seterusnya, calon sepatutnya menghasilkan lukisan dan huraihan konsep yang menunjukkan sifat objek, keaslian, proposi, dan kemasan. Selain itu, calon sepatutnya mengemukakan ciri dan alasan bagi menyatakan bagaimana aksesori tersebut akan dipersembahkan berdasarkan aspek bentuk, saiz, bahan, fungsi, dan identiti budaya.

##### **Soalan 2**

Soalan ini berdasarkan satu tugas yang menghendaki calon sebagai pereka di sebuah syarikat pengeluar telefon bimbit tempatan menyediakan contoh rekaan telefon bimbit model baharu untuk diperkenalkan dalam pasaran. Untuk mengemukakan contoh rekaan tersebut, calon hanya dikehendaki menyediakan cadangan visual yang mengandungi butir-butir yang diperlukan untuk pertimbangan jawatankuasa pemilihan pengeluaran. Antara butir-butir yang diperlukan termasuklah mengemukakan lakaran struktur, lakaran terperinci dan huraihan ringkas, serta lakaran akhir. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dalam bentuk lakaran dan huraihan mengikut kehendak soalan. Terdapat calon yang berupaya mengolah idea melalui lakaran dengan baik dan berunsur penerokaan. Calon sepatutnya mengemukakan lakaran struktur untuk mendapatkan bentuk aras produk baharu tersebut dan lakaran terperinci berdasarkan lakaran struktur yang dipilih, serta huraihan ringkas. Lakaran terperinci dan huraihan tersebut hendaklah dapat menjelaskan atau mengambil kira aspek identiti dan ciri keunikan produk, pembaharuan atau penambahbaikan pada model yang dicadangkan, dan daya penarik kepada pengguna sasaran (*target user*). Seterusnya, calon sepatutnya mengemukakan lakaran akhir yang dapat menyatakan aspek dimensi, bahan, dan warna.